

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' KESAVADAS A/L A. ACHYUTHAN

TARIKH : 8 MEI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 29

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah pelan dan langkah-langkah jangka panjang yang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan khidmat pengangkutan awam dan mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan bandar.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, laluan MRT Sungai Buloh Serdang Putrajaya (SSP) merupakan laluan kedua yang dibangunkan bagi Projek KVMRT. Laluan ini akan memberi perkhidmatan kepada penduduk di koridor yang mempunyai lebih kurang 2 juta penduduk bermula dari Sungai Buloh, menerusi Kuala Lumpur ke Putrajaya, justeru menghubungkan penduduk dari Sungai Buloh ke pusat Kuala Lumpur dan pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan Malaysia. Laluan ini mempunyai 35 stesen yang terdiri daripada 24 stesen bertingkat dan 11 stesen bawah tanah dan dijangka mula beroperasi pada tahun 2021 bagi Fasa Pertama dari Stesen Sungai Buloh ke Stesen Kampung Batu manakala Fasa Kedua dari Stesen Kampung Baru ke Stesen Putrajaya Sentral dijangka mula beroperasi pada tahun 2022.
2. Selain daripada itu, LRT 3 akan menghubungkan seramai 2 juta penduduk antara Bandar Utama dan Klang pada tahun 2024. Laluan ini mempunyai 20 stesen dan 5 stesen provisional dan stesen pertukaran untuk laluan MRT adalah di Stesen Bandar Utama manakala Stesen Glenmarie adalah stesen pertukaran untuk LRT laluan Kelana Jaya. Laluan LRT 3 dijangka akan meningkatkan kecekapan perjalanan dan membantu mengurangkan kesesakan lalu lintas bagi penduduk yang ingin menerusi pusat bandar Kuala Lumpur.
3. Tambahan pula, integrasi tawaran menarik perkhidmatan awam yang lebih menyeluruh, iaitu MY100 dan MY50 serta kadar

NO. SOALAN: 29

tambang Komuter yang lebih rendah selepas diskaun 20% akan dapat menarik lebih ramai pengguna kenderaan persendirian untuk beralih menggunakan pengangkutan awam.

4. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, jualan MY100 dan MY50 telah mencapai prestasi yang positif dengan purata sebulan jualan sebanyak 66,468 bagi MY100 dan 1,773 bagi MY50 dalam tempoh masa empat bulan pertama sejak dilaksanakan pada bulan Disember 2018. Manakala, pelaksanaan diskaun 20% bagi kadar tambang Komuter juga dijangka akan meningkat prestasi '*load factor*' perkhidmatan Komuter yang belum mencapai potensi penuh terutamanya di sektor Lembah Klang. Bagi melanjutkan pemberian diskaun, pihak kerajaan bercadang meneruskan pelaksanaan MY50 ke Pulau Pinang. Ini akan memastikan pengguna perkhidmatan pengangkutan awam Rapid Bus Pulau Pinang yang mewakili hampir semua penumpang bakal menerima manfaat daripada pelaksanaan cadangan MY50 ini. Justeru pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini akan mengalakkan rakyat memilih pengangkutan awam sebagai mod utama harian dan sekaligus boleh mengurangkan kesesakan lalu lintas.

Sekian, terima kasih.